

06 DEC 1999

Isa-Menteri Besar

ISA KEKAL SEBAGAI MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH, 6 Dis (Bernama) -- Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dilantik semula sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan.

Mohamed Isa menghadap Yang di-Pertuan Besar Tuanku Ja'afar di Istana Besar Seri Menanti, dekat sini hari ini untuk menyerahkan surat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan parti supaya beliau mengepalai kerajaan negeri.

Beliau memberitahu pemberita selepas majlis menghadap itu bahawa surat itu turut mengandungi senarai cadangan anggota Exco kerajaan negeri yang dipersetujui Dr Mahathir.

Ini amalan biasa setiap kali selepas pilihan raya, sebagai ketua parti yang menang Dr Mahathir akan mengemukakan nama Menteri Besar yang diperakukan oleh parti, kata Mohamed Isa.

Katanya majlis angkat sumpah jawatan bagi Menteri Besar dan semua anggota Exco akan diadakan kemudian.

Mohamed Isa, 50, menjadi Menteri Besar setelah memenangi pilihan raya umum 1982 dan sejak itu memegang jawatan berkenaan. Pada pilihan raya umum lepas beliau mengalahkan timbalan pesuruhjaya Pas negeri Dr Rosli Yaakop dengan majoriti 3,078 undi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Linggi.

Mohamed Isa berkata beliau telah menemui Dr Mahathir di Putrajaya pagi tadi berhubung senarai exco.

Beliau juga berkata bilangan anggota exco akan ditambah daripada lapan orang kepada 10 dalam Kerajaan Negeri yang baru.

Mohamed Isa bagaimanapun enggan menyatakan nama-nama exco yang akan dilantik serta portfolio masing-masing dan sama ada terdapat penyandang exco yang akan digugurkan.

Tiga penyandang jawatan exco tidak akan terpilih kali ini dengan dua daripadanya ialah Datuk Napsiah Omar dan Datuk Goh Siow Huat yang masing-masing bertanding kerusi Parlimen pada pilihan raya umum lepas manakala Datuk M.Sundram pula digugurkan daripada senarai calon BN untuk bertanding pada pilihan raya umum lepas.

Sementara itu, jurucakap Pejabat Menteri Besar berkata majlis mengangkat sumpah Menteri Besar dan exco, yang pada mulanya dijadualkan esok di Istana Besar Seri Menanti, ditunda ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

-- BERNAMA

AZ NAK